

Sidang Rio ambil langkah bersejarah

28 APR 1992

KUALA LUMPUR, Isnin — Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Mengenai Alam Sekitar dan Pembangunan (Unced) di Rio de Janeiro, Jun ini, boleh mengambil langkah penting yang bersejarah ke arah mencanai perkongsian sejagat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sehubungan itu, beliau meminta negara membangun jangan mensesiakan peluang bersejarah itu kerana mereka mempunyai tanggungjawab besar memastikan kerjasama Selatan-Selatan mengenai alam sekitar dan pembangunan, benar-benar berkesan.

“Negara Selatan sudah cukup menderita. Adalah salah jika kita dijadikan kambing hitam atas dosa lalu negara Utara.

“Negara Selatan tidak boleh selamanya menjadi sumber memuaskan nafsu Utara termasuk menutup hutan bagi menyediakan kehijauan dunia dan sumber makmal genetic mereka.

“Negara Utara mesti membantu pembangunan Selatan kerana ia adalah bagi kepentingan alam sekitar, ekonomi dan keselamatan mereka,” katanya berucap merasmikan Persidangan Kedua Menteri Negara Membangun Mengenai Alam Sekitar

dan Pembangunan, di sini, hari ini.

Bagaimanapun, Perdana Menteri mengingatkan, Unced tidak menda-tangkan sebarang manfaat sekiranya negara kaya di Utara mahu negara miskin menanggung semua beban kewangan.

Menurutnya, negara Selatan kecewa dengan keengganan Utara membekalkan komitmen sama ada dalam bentuk kuantum atau komitmen lain yang lebih konkrit bagi membiayai program alam sekitar.

Malah, kata Dr Mahathir, kegagalan Mesyuarat Jawatankuasa Persediaan (Prepcom) di New York awal bulan ini mencapai persetujuan penuh terutama mengenai pembiayaan kewangan bagi program alam sekitar dan pembangunan, amat dikesali.

Perdana Menteri juga berkata, negara Selatan mesti mengenal pasti bidang kerjasama khusus terutama di segi perhutanan, pemindahan teknologi dan pengurusan alam sekitar yang tersusun.

“Negara Selatan mesti menjadi contoh kerjasama antarabangsa dan keseimbangan seperti sumbangannya kepada Unced. Ia juga penting bagi kita terus berbincang selepas sidang di Rio,” ka-

tanya.

Pada masa yang sama, kata Dr Mahathir, negara maju mesti menjalankan tanggungjawab itu dan sebagai langkah pertama, mereka harus berbincang mengenai satu pendirian yang sama.

“Kita hanya akan berkongsi beban setakat yang termampu dan dalam kekuasaan kita.

“Tidak mungkin kita mengorbankan pembangunan kita semata-mata supaya negara kaya dan berkuasa boleh berseronok, malah meningkatkan taraf hidup mereka.

“Sebaliknya, negara kayalah yang mesti bersedia mengorbankan kemajuan mereka bagi kepentingan pembangunan kita,” tegas Perdana Menteri.

Dr Mahathir turut membidas negara Utara kerana menafikan kebebasan negara membangun untuk menggunakan kekayaan bagi mengelak kebuluran, penyakit dan kemiskinan, melalui kempen antipenggunaan dan pemulauan kayu tropika.

“Bagaimana mereka masih boleh bercakap mengenai kebebasan bila mereka sendiri menyekat kebebasan kita.

“Bila kita mencapai kemerdekaan, kita memikirkan kita benar-benar bebas,” katanya.